



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 26/2017**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**JURUTERA PERUBATAN HAYAT KANAN  
TANGGAGAJI B.3  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di jabatan di bawah Kementerian Kesihatan.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di manapun sahaja di Negara Brunei Darussalam.



<b>1. JAWATAN</b>	<b>: JURUTERA PERUBATAN HAYAT KANAN</b>
<b>KEMENTERIAN/JABATAN</b>	<b>: KEMENTERIAN KESIHATAN</b>
<b>BAHAGIAN</b>	<b>: II</b>
<b>TANGGAGAJI</b>	<b>: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>: SATU (01)</b>

### **KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Perubatan Hayat / *Medical Electronic* / *Medical Equipment Management* / Elektronik / Elektrikal dan Elektronik atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.
- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Jurutera Perubatan Hayat atau jawatan sebanding dalam tanggagaji B.2 EB.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

### **ATAU**

- b) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Pegawai Penyelenggara Perkakas Perubatan atau jawatan sebanding dalam tanggagaji B.2 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTERA PERUBATAN HAYAT KANAN:**

1. Mengetuai bahagian yang ditetapkan.
2. Membantu dalam apa jua kerja di peringkat sistem terhadap alat-alat perkakas perubatan yang canggih.



3. Merancang dan menyusun prosedur-prosedur kerja-kerja pemeriksaan terhadap keselamatan dan pengukuran (safety check and calibration) alat-alat elektronik perubatan mengikut ketetapan yang telah dikeluarkan oleh institusi-institusi yang diiktiraf antarabangsa atau ketetapan yang telah dibuat oleh pihak pembuat atau pihak pengeluar.
4. Merancang, menyusun dan mengenalpasti alat-alat perubatan yang akan diservis kontrakkan.
5. Memberi bantuan teknikal dari segi khidmat nasihat dan penilaian terhadap teknologi perubatan untuk tujuan pembelian ataupun sebarang kajian kemungkinan.
6. Bertanggungjawab terhadap kemajuan dan peningkatan produktiviti bahagian yang di bawah jagaan.
7. Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas seperti menyediakan perancangan-perancangan jangka pendek dan panjang di bahagian yang di bawah jagaan.
8. Bertanggungjawab di dalam menyediakan semua perancangan-perancangan yang akan disusun dan diselenggarakan.
9. Membuat kerja-kerja di luar waktu kerja apabila dikehendaki bagi bahagian yang memerlukan khidmat tersebut seperti unit buah pinggang, makmal kecemasan dan lain-lain.
10. Bertanggungjawab terhadap kemajuan dan kebajikan pegawai-pegawai bawahan seperti kenaikan pangkat, latihan-latihan, pelajaran-pelajaran dan apa juu yang bersangkutan dengan kemajuan bahagian yang di bawah jagaannya.
11. Sebagai *leader* dan *developer* kepada pegawai dan kakitangan yang di bawah tanggungjawab.
12. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.